

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

BH mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan

Wadah Pembaharuan

BH
BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

**Pentingelihara
nyawa untuk
peliharaan agama**

Muka 8

Kes kematian
ketiga babitkan
kakitangan KKM

Muka 4

WHO beri amaran
peningkatan kes
baharu di negara
dakwa dapat
kawal COVID-19

Muka 33

PKP dilanjutkan sehingga 12 Mei

"Berdasarkan data Kementerian Kesihatan, saya dapati usaha membendung wabak COVID-19 masih perlu diteruskan. Walaupun angka menunjukkan perkembangan positif, langkah yang kita ambil hendaklah diteruskan sampai ke satu masa di mana kita yakin wabak dibendung sepenuhnya." Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri

Kerajaan akan menilai data terkini KKM dan tidak tolak kemungkinan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan sehingga selepas Aidilfitri

Jika kes COVID-19 terus turun ketara, kawalan pergerakan dilonggar secara bertahap dalam beberapa sektor termasuk sosial

Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi diarah merangka Pelan Pemulihan Ekonomi menyeluruh bagi memastikan ekonomi bangkit semula dengan pantas selepas PKP berakhir

Syarikat dalam sektor tertentu mungkin dibenarkan beroperasi walaupun PKP dilanjutkan lagi tertakluk kepada pematuhan syarat ditetapkan.

Muka 2, 3



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

Muka Dua

JUMAAT, 24 APRIL 2020

Penularan COVID-19

Oleh Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, Mohamed Farid Noh, Safeek Affendy Razali, Mohd Nasaruddin Parzi, Farah Marshita Abdul Patah, Mahani Ishak, Muhammad Yusri Muzamir, Fahmy A Rosli, Iah Hafiz Aziz, Noor Atiqah Sulaiman, Samadi Ahmad, Mohd Amin Jalil, Nazri Abu Bakar, Noorazura Abdul Rahman, Hazira Ahmad Zaidi, Nurul Fatimah Sulaini, Rosman Shamsudin dan Noorazura Abdul Rahman. bhnews@bh.com.my

Seri Paduka mahu ummah rebut keberkatan Ramadan

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mahu umat Islam di negara ini mengambil peluang sempena keberkatan Ramadan untuk meneguhkan ketakwaan serta memperbanyakkan ibadah dan amalan.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, juga menzahirkan ucapan selamat menyambut Ramadan al-Mubarak kepada seluruh umat Islam di Malaysia.

"Umat Islam di negara ini diseru mengimarahkan seluruh bulan yang mulia ini dengan pelbagai bentuk pengisian bermakna dan amal soleh yang digandakan berbanding bulan yang lain.

"Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan harapan supaya umat Islam memperkukuhkan ukhuwah sesama insan dan bersatu hati serta mengambil berat terhadap masyarakat sekeliling.

"Semoga kehadiran bulan mulia ini disambut dengan rasa insaf dan bersyukur atas ujian serta rahmat dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita," katanya memetik titah ba-

ginda menerusi satu kenyataan Istana Negara malam tadi.

Ahmad Fadil berkata, susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa tiga, baginda berdua dan Istana Negara dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan supaya tidak menghadiri atau menganjurkan sebarang bentuk majlis berbuka puasa sepanjang Ramadan demi kesejahteraan rakyat.

"Sehubungan itu, Al-Sultan Abdullah bertitah agar umat Islam, khususnya petugas barisan hadapan terus tabah menjalani ibadah puasa dalam suasana dan tatacara baharu bagi mengekang penula-

ran jangkitan COVID-19," katanya.

Beliau berkata, Yang di-Pertuan Agong juga menasihati umat Islam supaya mengharungi ujian wabak ini dengan sabar dengan memainkan peranan membantu usaha baik pihak berkuasa dengan mematuhi PKP dan mengutamakan keselamatan diri, keluarga dan kesejahteraan komuniti.

"Umat Islam diseru mengambil peluang sempena Ramadan untuk diraikan bersama keluarga tersayang di rumah masing-masing. Langkah ini dapat membantu kita menjaga dan melindungi ahli

keluarga berusia dan anak kecil daripada dijangkiti COVID-19," katanya.

Ahmad Fadil berkata, baginda turut berharap trend pengurangan kes baharu dan penambahan kes pulih berterusan supaya lekuk kes positif virus itu dapat diratakan dengan pantas.

Katanya, baginda berdua turut menzahirkan harapan supaya umat Islam mengambil keberkatan Ramadan untuk bersama-sama berdoa semoga Malaysia terus dilindungi dan dirahmati serta pandemik COVID-19 dapat dibendung dan diakhiri dengan segera. (Foto BERNAMA)

PKP dilanjutkan dua minggu lagi

Data Kementerian Kesihatan dapati usaha bendung wabak perlu diteruskan: PM

Kuala Lumpur: Kerajaan memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi bermula dari 29 April ini hingga 12 Mei depan.

Ketika mengumumkan perkara itu malam tadi, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan juga tidak menolak kemungkinan PKP akan dilanjutkan lagi selepas itu.

Katanya, berdasarkan data dibentangkan Kementerian Kesihatan, didapati usaha untuk membendung wabak COVID-19 masih perlu diteruskan.

"Ini bermakna, saudara-saudari mungkin tidak boleh menyambut hari raya (Aidilfitri) di kam-

pung. Saudara-saudari masih tidak boleh bekerja, kecuali bagi mereka yang bekerja dalam sektor yang dibenarkan. Pertiagaan juga masih belum boleh dibuka sepenuhnya.

"Bagaimanapun, jika kes COVID-19 terus mencatatkan penurunan ketara, kerajaan berkeungkinan akan melonggarkan kawalan pergerakan secara bertahap dalam beberapa sektor, termasuk sektor sosial.

"Ini untuk membolehkan saudara-saudari menjalani kehidupan lebih selesa," katanya dalam perutusan khas yang disiarkan secara langsung.

Perdana Menteri berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sedang merangka satu pelan yang menyeluruh mengenai perkara itu.

Lanjutan PKP itu adalah kali keempat selepas kali pertama dikuatkuasakan pada 18 Mac lalu bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Sebelum ini, Perdana Menteri mengumumkan PKP dilaksanakan mulai 18 Mac hingga 31 Mac

sebelum dilanjutkan ke fasa kedua bermula 1 April hingga 14 April dan fasa ketiga berakhir 28 April ini.

Beliau berkata, biarpun angka berkaitan COVID-19 menunjukkan perkembangan positif, langkah yang diambil hendaklah diteruskan sampai ke satu masa di mana kerajaan yakin wabak itu dapat dibendung sepenuhnya.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, kerajaan sedang mengkaji kaedah bagi memulihkan ekonomi negara secara bertahap.

Perkara itu katanya, termasuk merangka Pelan Pemulihan Ekonomi jangka pendek dan sederhana bagi memastikan aktiviti ekonomi dapat dibangkitkan semula dengan pantas selepas PKP berakhir.

"Saya sudah mengarahkan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk merangka Pelan Pemulihan Ekonomi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang menyeluruh.

"Tumpuan pada masa ini ada-



Muhyiddin menyampaikan perutusan khas disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan dan media sosial di Putrajaya, malam tadi.

(Foto BERNAMA)

lah untuk mengenal pasti langkah dan inisiatif yang akan merancakkan pertumbuhan ekonomi jangka pendek dan sederhana, serta mendorong keyakinan rakyat dan pelabur untuk menjana semula ekonomi negara," katanya.

Muhyiddin berkata, walaupun PKP dilanjutkan lagi, syarikat dalam sektor tertentu akan dibenarkan beroperasi, tertakluk kepada pematuhan syarat yang memertingkatkan keselamatan pekerja, penjarakan sosial dan kebersihan tempat kerja.

Katanya, kerajaan juga akan menimbang untuk membuka beberapa sektor dan sub sektor yang tertakluk kepada syarat ditetapkan.

"Ini untuk menjamin syarikat terus berdaya saing dan pekerja dapat terus bekerja dalam persekitaran yang selamat.

"Garis panduan serta syarat yang terperinci akan diberikan kepada pelabur dan sektor korporat untuk memulakan operasi syarikat masing-masing," katanya.

Umat Islam di Malaysia mula berpuasa

Kuala Lumpur: Umat Islam di Malaysia mula berpuasa hari ini, demikian ditumunkan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad.

Syed Danial berkata, tarikh permulaan puasa bagi negeri di seluruh Malaysia ditetapkan pada hari ini menurut perintah Yang di-Pertuan Agong

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas diperkenan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

Pengumuman berkenaan disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) malam tadi.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Nasional

3



Pelajar Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru yang terkandas di kampus sepanjang PKP mengambil makanan disediakan pihak pentadbiran. (Foto BERNAMA)

Pelajar di kampus boleh pulang pada masa terdekat

Proses bawa pulang dirancang teliti dengan nasihat KKM elak risiko jangkitan

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi kebenaran kepada pelajar yang masih di kampus pulang ke rumah masing-masing dalam tempoh terdekat.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata proses membawa mereka pulang sedang dirancang kerajaan dengan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Katanya, jumlah pelajar terbabit adalah besar hampir 100,000 orang dan dengan itu proses membawa pulang penuntut perlu dirancang teliti bagi memastikan ia tidak menyebabkan risiko jangkitan COVID-19.

"Sebelum dibenarkan pulang, semua pelajar ini akan dipastikan benar-benar sihat dan tidak mempunyai gejala COVID-19.

"Kepada anak-anak kita yang berada di kampus, Insya-Allah dalam tempoh tak berapa lama lagi, anda semua boleh pulang ke pangkuan keluarga," katanya dalam perutusan khas yang disiarkan secara langsung, malam tadi.

Muhyiddin turut meminta ibu bapa pelajar supaya bersabar dan memberi sedikit masa kepada ke-

menterian berkaitan untuk menguruskan perkara itu.

"Saya tahu anda semua rindukan anak masing-masing. Insya-Allah sedikit masa lagi anak-anak anda akan berada di rumah dan yang penting semua pulang dengan selamat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga sedang menimbangankan untuk memberi kebenaran satu kali perjalanan kepada mereka yang berada di kampus atau lokasi lain untuk balik ke rumah masing-masing.

Ini berikutan, pergerakan itu dijangka membabitkan jumlah yang besar dan perlu bagi kerajaan mengkaji kaedah terbaik.

"Ini adalah sedikit kelonggaran yang diberikan setakat ini. Saya ulang sekali lagi, sedikit kelonggaran. Bukan terlalu longgar," katanya.

Beliau menegaskan, kebenaran hanya diberikan kepada mereka yang terperangkap di kampus atau di tempat lain sebelum kerajaan melaksanakan PKP yang pertama.

"Kerajaan sedang mengumpulkan data dan mengkaji kaedah yang terbaik untuk mengatur pergerakan ini," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, mereka yang terbabit boleh mendaftar secara dalam talian di aplikasi PDRM, atau membuat temu janji di balai polis, seperti yang diumumkan oleh Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Penting untuk pihak polis mengatur perjalanan supaya tidak berlaku kesesakan di jalan raya atau di hentian di lebuhraya," katanya yang berkata butiran mengenainya akan diumumkan nanti.



Keratan akhbar BH semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NASIONAL

4

JUMAAT, 24 APRIL 2020 BH

Nasional

Penularan COVID-19

90 pulih, 71 kes baharu

Jumlah kumulatif dibenar pulang 63.2 peratus

Putrajaya: Jumlah individu yang sembuh daripada jangkitan COVID-19 di negara ini terus meningkat dengan 90 kes dilaporkan pulih sepenuhnya semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah kumulatif kes yang dibenarkan pulang adalah sebanyak 3,542 kes atau 63.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Seperti trend yang dilihat kebelakangan ini, bilangan kes yang pulih dan dibenarkan pulang hari ini (semalam) adalah melebihi bilangan kes yang dilaporkan.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), ada 71 kes baharu dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 5,603 kes.

"Daripada jumlah berkenaan seramai 42 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 21 kes masih memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, berlaku pertambahan dua kes kematian berkaitan COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif kes adalah sebanyak 95 kes atau 1.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, kes kematian ke-94 (kes ke-3,871) membabitkan seorang wanita warganegara Malaysia berusia 32 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi.

Katanya, wanita berkenaan adalah anggota perubatan Kementerian Kesihatan (KKM) dan mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 iaitu kes ke-3,662 yang berkaitan dengan kluster hospital pakar Muar, Johor.

"Beliau sebelum ini menerima rawatan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 6 April lalu sebelum disahkan meninggal dunia pada 12.36 pagi tadi (semalam). Ini ialah kematian ketiga dalam kalangan anggota kesihatan KKM.

"Kes kematian ke-95 (kes ke-4,129) membabitkan seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 67 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit buah pinggang.

"Beliau mempunyai sejarah

kontak rapat dengan kes positif COVID-19 iaitu kes ke-1,575 iaitu berkaitan kluster pesakit di bawah pemantauan (PUJ) Bali.

"Beliau sebelum ini dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang pada 8 April lalu dan disahkan meninggal dunia pada 22 April jam 11.48 malam," katanya. Sementara itu, seramai 325 anggota KKM dikesan positif COVID-19 iaitu 5.8 peratus daripada jumlah kumulatif kes positif yang dilaporkan di negara ini.

Dr Noor Hisham berkata daripada jumlah itu, 185 kes sudah pulih dan dibenarkan pulang.

"Selain itu, 137 kes sedang dirawat di hospital, tiga kes kematian dilaporkan sehingga kini membabitkan petugas kesihatan.

"Kes berkenaan terdiri daripada 77 pegawai perubatan; 66 jururawat; 34 pegawai perubatan siswazah; 23 pakar perubatan; 21 penolong pegawai perubatan dan 104 lain-lain skim perkhidmatan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata berdasarkan siasatan, punca jangkitan bagi semua anggota KKM ini bukan disebabkan oleh pengendalian kes yang disahkan positif COVID-19 di fasiliti kesihatan KKM.

"Didapati, 70 peratus kes adalah berpunca daripada aktiviti persendirian seperti menghadiri majlis keramaian, ke luar negara dan sebagainya," katanya. Dalam pada itu, lebih 80 peratus kes positif COVID-19 di negara ini berada dalam kategori tidak mempunyai sebarang gejala dan memiliki gejala ringan tetapi tetap dipantau di hospital.

Dr Noor Hisham berkata, ia tidak seperti beberapa negara luar yang ada pesakit daripada dua kategori itu tidak dimasukkan ke hospital dan hanya dikuarantin di kediaman masing-masing. Beliau menjelaskan pesakit kategori satu tidak mempunyai sebarang gejala, manakala kategori dua ialah pesakit yang memiliki gejala ringan.

Kategori tiga ialah pesakit yang ada radang paru-paru, tetapi tidak memerlukan bantuan oksigen,



Punca jangkitan bagi semua anggota KKM ini bukan disebabkan oleh pengendalian kes COVID-19 di fasiliti kesihatan KKM. 70 peratus kes berpunca aktiviti persendirian.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

manakala kategori empat pula pesakit yang ada radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen dan pesakit kategori lima memerlukan bantuan pernafasan.

Dalam perkembangan berkaitan, KKM belum menerima makluman mengenai kematian akibat COVID-19 membabitkan rakyat Malaysia di Dubai.

Kematian seorang rakyat Malaysia yang dikatakan bekerja sebagai jurutera syarikat perancangan di Dubai tular di media sosial, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian sudah mengenal pasti negara yang menjalankan kajian vaksin COVID-19, selain menjalin kerjasama dengan pihak berkaitan.

22 kes baharu di Selangor Mansion


Putrajaya: Pertambahan 22 lagi kes positif COVID-19 di Bangunan Selangor Mansion di Jalan Masjid India di sini, menjadikan 107 kes terkumpul setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kampung Sungai Lui di Hulu Langat turut menyaksikan pertambahan 10 lagi kes menjadikan keseluruhan 141 kes.

"Kluster lain-lain di lokasi Perintah Kawalan

Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak menyaksikan pertambahan," katanya pada sidang media semalam.

Beliau berkata, kluster pesantren turut bertambah 17 kes baharu positif, madrasah Sungai Lui (10), Sendayan (dua) dan masing-masing satu kes direkodkan pesakit di bawah pemantauan (PUJ) Bali, petugas kesihatan Sabah dan Hospital Muar.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

KMM terima sumbangan tunai RM1 juta

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menerima sumbangan tunai RM1 juta serta peralatan kesihatan daripada pelbagai pihak yang prihatin dengan keperluan petugas barisan hadapan kesihatan dalam menangani wabak COVID-19.

Selain wang tunai, sumbangan yang diterima semalam merangkumi makanan, kelengkapan perlindungan peribadi (PPE), beg sampah klinikal serta cecair pembasmi kuman.

Sumbangan itu diterima Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba daripada 14 penyumbang yang mewakili syarikat, persatuan dan kedutaan

pada satu majlis di KKM.

Yayasan Sin Hock Min menyerahkan sumbangan sebanyak RM500,000, manakala McDonald's Malaysia (RM250,000) dan Ranthill Worley Sdn Bhd (RM250,000)

Sementara itu, kedutaan Palestin yang diwakili Duta Besarinya, Walid Abu Ali menyumbang kurma 500 kilogram kepada barisan hadapan kesihatan.

PPE pula disumbangkan Majlis Kanser Negara (MAKNA), Malaysia Airport Berhad dan Persatuan Kebajikan Kasih Sayang (Ai Xin) Malaysia.

Bagi Toyota Boshoku UMW

Sdn Bhd, syarikat berkenaan menyumbang 3,000 pasang penutup but, 7,000 unit masing-masing penutup kepala dan gaun pengasingan dengan nilai keseluruhan RM270,00.

Persatuan Pengakap Malaysia turut menyumbang 103,492 keping pelindung muka bernilai RM258,730.

Sumbangan turut diterima daripada Scientex Berhad, Fibertex Personal Care Sdn Bhd dan Hing Yiap Knitting Sdn Bhd membabitkan 100,000 unit pelindung penutup kepala, manakala Lippotex Industries Sdn Bhd pula menyumbang 5,000 unit pakaian pelindung.



Adham menerima sumbangan daripada Timbalan Pengerusi Yayasan Sin Hock Min, Datuk Seri Yong Mun Tong di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

f HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my A5

lokal

Sambutan kelahiran paling indah: Dr Noor Hisham

Kuala Lumpur: Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada rakyat Malaysia atas ucapan sempena ulang tahun kelahiran beliau.

Beliau menyifatkan ulang tahun kelahirannya yang ke-57 pada 21 April lalu, dengan iringan doa ramai rakyat Malaysia adalah ulang tahun yang akan sentiasa tersemat dalam memorinya.

"Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada semua yang menyampaikan ucapan hari lahir dan doa yang sungguh bermakna.

"Ia sesungguhnya sambutan ulang tahun kelahiran yang terindah sepanjang hayat saya.

"Terima kasih semua rakyat Malaysia dan marilah kita semua terus memeraungi dan menamatkan rantaian jangkitan Covid-19. Kekal selamat dan duduk rumah," katanya dalam cipapan di Twitternya.

Ribuan netizen mengambil peluang menghantar ucapan hari lahir kepada



Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada semua yang menyampaikan ucapan hari lahir dan doa yang sungguh bermakna. Ia sesungguhnya sambutan ulang tahun kelahiran terindah"

Dr Noor Hisham Abdullah

Dr Noor Hisham yang menyambut ulang tahunnya pada 21 April.

Laman sosial seperti Twitter, Facebook dan Instagram dibanjiri ucapan tahniah dan doa untuk Ketua Pengarah Kesihatan itu, tokoh penting di barisan hadapan dalam perjuangan negara memerangi pandemik Covid-19.

Tanda pagar #HappyBirthDayDGHisham turut tular di Twitter. - Bernama



DR Noor Hisham ketika meraikan sambutan ulang tahun kelahiran ke-57 beliau selepas sidang media.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

SA www.hmetro.com.my @hmetromy [f](https://www.facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://www.instagram.com/hmetromy)

Jumaat 24.04.2020 | Harian Metro

lokal



Warga Malaysia meninggal di Dubai

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia belum menerima maklumat mengenai kematian rakyat Malaysia di Dubai yang dikatakan berkait dengan penularan Covid-19 di negara berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (*gambar*) berkata, setakat ini tiada sebarang maklumat diterima mengenai kematian itu.

"Kita tidak dimaklumkan lagi ada kematian (rakyat Malaysia) di Dubai.

"Kita akan bekerjasama dengan Wisma Putra untuk mendapatkan maklumat kalau ada kematian," katanya, semalam.

Terdahulu, seorang lelaki warga Malaysia dilaporkan meninggal dunia dipercayai akibat Covid-19 di Dubai.

Negara bebas zon jingga

17 daerah diklasifikasikan zon jingga sebelum ini merekodkan penurunan kes

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada lagi zon jingga wabak Covid-19 di seluruh negara selepas semua 17 daerah mencatatkan penurunan kes, setakat 12 tengah hari kel-

marin.

Selain Pekan yang mencatatkan sifar kes aktif berbanding satu kes pada Selasa, 16 daerah lain ialah Kota Setar yang mencatatkan dua kes aktif, Kuala Muda (1), Seberang Perai Tengah (3), Seberang Perai Utara (2), Timur Laut (3), Manjung (2).

Manakala Kuala Selangor (6), Kuala Langat (7), Sabak

Bernam (3), Alor Gajah (8), Kota Tinggi (16), Besut (16), Dungun (28), Kinabatangan (9), Sandakan (4) dan Tuaran (10).

Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) turut mencatatkan zon me-

rah kekal 30.

Selain itu, sebanyak 64 daerah sifar kes aktif dengan Sarawak negeri tertinggi membabitkan 17 daerah manakala 12 daerah lain dalam zon kuning

dan Kuching serta Kota Samarahan masih lagi dalam zon merah.

Di Semenanjung, Selangor kekal dengan jumlah daerah tertinggi dalam zon merah iaitu Petaling, Hulu Langat, Gombak, Klang, Sepang dan Hulu Selangor.

Lembah Pantai masih lagi mencatatkan jumlah kes aktif tertinggi sebanyak 273 kes diikuti Petaling (107), Seremban (92), Kluang (86), Hulu Langat (81), Johor Bahru (75) dan Kepong (70).

Pekan catat sifar kes aktif berbanding satu kes pada Selasa

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Kadar penyembuhan Covid-19 63.2 peratus

Putrajaya: Jangkitan baharu koronavirus baharu (Covid-19) dalam negara menurun menjadi dua digit selama seminggu berturut-turut dengan 71 kes dilaporkan, mencatatkan 5,603 kes keseluruhan, sehingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada keseluruhan kes jangkitan Covid-19 yang dilaporkan itu, 90 kes sudah pulih dan dibenarkan discaj.

Beliau berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan discaj daripada wad adalah sebanyak 3,542 kes dengan kadar kesembuhan 63.2 peratus.

"Sehingga kini, seramai 42 kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), daripada jumlah itu 21 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 adalah 1,966 kes. Mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Mengenai kematian berkaitan jangkitan Covid-19, Dr Noor Hisham berkata, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPKC) melaporkan dua kematian, setakat jam 12 tengah semalam.

Katanya, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat

jangkitan wabak berkenaan dalam negara ketika ini sebanyak 95 kes.

Berikut laporan terperinci kematian akibat Covid-19 dalam negara hari ini;

1) Kes kematian ke-94 (kes ke-3,871)

• Wanita warga Malaysia berusia 32 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi.

• Beliau adalah anggota perubatan KKM dan mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif Covid-19 iaitu kes ke-3,662 (yang berkaitan dengan kluster hospital pakar Muar, Johor).

• Beliau dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 6 April dan disahkan meninggal du-

nia pada 23 April, jam 12.36 tengah malam.

• Ini kematian ketiga dalam kalangan anggota kesihatan KKM.

2) Kes kematian ke-95 (kes ke-4,129)

• Lelaki warga Malaysia berusia 67 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit buah pinggang.

• Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif Covid-19 iaitu kes ke-1575 (yang berkaitan dengan kluster PUI Bali).

• Beliau telah dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang pada 8 April dan disahkan meninggal dunia pada 22 April, jam 11.48 malam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

PKP dilanjutkan sehingga 12 Mei

Berdasarkan data dibentangkan KKM, usaha bendung Covid-19 perlu diteruskan

Oleh MOHAMMAD FAIRUZ JUMAIN

PUTRAJAYA

Kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan buat kali ketiga untuk tempoh dua minggu lagi sehingga 12 Mei depan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, berdasarkan data yang dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), usaha untuk membendung wabak Covid-19 masih perlu diteruskan.

Menurutnya, walaupun angka menunjukkan perkembangan positif, langkah yang diambil hendaklah diteruskan sampai ke satu masa wabak Covid-19 diyakini dapat dibendung sepenuhnya.

"Saya tidak menolak kemungkinan bahawa PKP akan dilanjutkan lagi selepas ini. Ini bermakna, saudara-saudari mungkin tidak boleh menyambut hari raya di kampung. Saudara-saudari masih tidak boleh bekerja, kecuali bagi mereka yang bekerja dalam sektor yang dibenarkan. Perniagaan juga masih belum boleh dibuka sepenuhnya.

"Bagaimanapun, jika kes-kes Covid-19 terus mencatatkan penurunan yang ketara, kerajaan berkemungkinan akan melonggarkan kawalan pergerakan secara bertahap dalam beberapa sektor termasuk sektor sosial," katanya dalam perutusan khas sempena Ramadan yang disiarkan secara langsung menerusi kaca televisyen dan media sosial malam tadi.

Muhyiddin bagaimanapun berkata, kerajaan bersetuju memberi sedikit kelonggaran



Muhyiddin ketika menyampaikan perutusan khas yang disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan dan media sosial malam tadi.

iaitu kebenaran kepada pelajar-pelajar di kampus pulang ke kampung masing-masing.

"Proses untuk membawa pelajar ini pulang sedang dirancang oleh kerajaan dengan nasihat Kementerian Kesihatan.

"Jumlah pelajar yang terlibat adalah besar iaitu hampir 100,000 orang. Jadi kita mesti rancang pergerakan mereka dengan teliti untuk pastikan ia teratur dan tidak menyebabkan risiko jangkitan. Sebelum dibenarkan pulang, semua pelajar ini akan dipastikan benar-benar sihat dan tidak mempunyai gejala Covid-19," katanya.

Kata Muhyiddin lagi, butiran terperinci mengenai pergerakan pulang akan diumumkan oleh kerajaan dalam masa terdekat bagi memastikan para pelajar selamat pulang.

Selain itu, katanya, kelonggaran yang turut diberikan adalah kebenaran pulang ke bandar kepada mereka yang terperangkap di kampung sebelum PKP pertama dilaksanakan pada 18 Mac lalu.

"Seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Kanan Pertahanan (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob), mereka yang terlibat boleh mendaftar secara online di aplikasi yang disediakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau membuat temu janji untuk hadir ke balai polis bagi tujuan membuat pendaftaran.

"Adalah penting untuk pihak polis mengatur perjalanan saudara-saudari supaya tidak berlaku kesesakan di jalan raya atau di hentian-hentian di lebuh raya. Anda juga perlu pastikan anda sihat dan tidak mempunyai apa-apa gejala sebelum memulakan perjalanan. Butiran terperinci mengenai perkara ini akan diumumkan oleh kerajaan dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu, dari sudut ekonomi pula, katanya, kerajaan sedang mengkaji kaedah untuk memulihkan ekonomi secara bertahap termasuk merangka Pelan Pemulihan Ekonomi jangka pendek dan sederhana bagi memastikan aktiviti ekonomi dapat dibangkitkan semula dengan pantas selepas tempoh PKP berakhir.

"Tumpuan pada masa ini adalah untuk mengenal pasti langkah dan inisiatif yang akan merencanakan pertumbuhan ekonomi jangka pendek dan sederhana, serta mendorong keyakinan rakyat dan pelabur untuk menjana semula ekonomi negara.

"Antara inisiatif yang sedang dirancang ialah membina keupayaan dan kemahiran rakyat, menggalakkan perbelanjaan domestik, meningkatkan daya tahan industri termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta memupuk persekitaran pelaburan yang lebih positif untuk masa hadapan,"

Grup Facebook 'Masak Apa Tak Jadi Hari Ni' masuk dalam ucapan Muhyiddin

PUTRAJAYA - "Kalau masakan berbuka puasa tidak jadi pun tak apa. Boleh *post* (hantar) dalam grup Facebook 'Masak Apa Tak Jadi Hari Ni'."

Itulah usikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin secara berseluruh dalam perutusan khas sempena Ramadan yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen dan media sosial malam tadi.

Beliau berkata demikian bagi mengajak rakyat Malaysia melihat secara positif keputusan kerajaan melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh dua minggu lagi sehingga 12 Mei ini.

"Mungkin inilah peluang yang ALLAH berikan kepada kita untuk mengamalkan sebenar-benar ibadah puasa.

"Kita berbuka puasa dan bersahur sekadarnya. Makan masakan isteri kita dan tidak membazir. Kalau masakan tak jadi pun tak apa. Boleh *post* dalam grup Facebook 'Masak Apa Tak Jadi Hari Ni,'" katanya.

Muhyiddin berkata, pengalaman menjalani ibadah puasa dalam tempoh PKP juga merupakan peluang yang ALLAH SWT berikan kepada rakyat negara ini untuk solat tarawih berjemaah bersama keluarga di rumah.

Menurutnya, rakyat Malaysia tidak perlu khuatir tidak dapat mendirikan solat tarawih secara berjemaah di masjid kerana ganjaran pahala dan barakah solat berjemaah di rumah juga tidak kurang besarnya.

"Apa yang penting, kita lalui jihad ini bersama-sama. Seperti bulan Ramadan, di akhirnya adalah kemenangan buat kita semua dalam melawan hawa nafsu.

"Kita berdo'a ke hadrat ALLAH SWT, mudah-mudahan di akhir jihad kita melawan koronavirus (Covid-19), kita juga akan diberikan kemenangan, kesihatan dan keselamatan daripada wabak penyakit ini," katanya.

Setakat malam tadi, grup Facebook 'Masak Apa Tak Jadi Hari Ni' sudah mencecah lebih 1.3 juta ahli.

katanya.

Perdana Menteri turut memberi bayangan beberapa sektor tertentu akan dibenarkan beroperasi semula tertakluk kepada pematuhan syarat yang mementingkan keselamatan pekerja, penjarakkan sosial dan kebersihan tempat bekerja.

"Pada masa ini pun beberapa sektor ekonomi telah dibuka. Selepas ini, kerajaan akan menimbang untuk membuka beberapa sektor dan subsektor yang lain tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat.

"Garis panduan serta syarat-syarat yang terperinci akan diberikan kepada para pelabur

dan sektor korporat untuk memulakan operasi syarikat masing-masing," katanya.

Katanya lagi, walaupun kes aktif pesakit di Malaysia terus menurun, rakyat negara ini diingatkan bahawa peperangan dengan Covid-19 masih belum berakhir.

"Kita masih belum menang dalam perang menentang Covid-19. Tetapi saya yakin insya-ALLAH kita akan menang.

"Yang penting ialah jihad dan istiqamah. Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, tingkatkan jihad kita memerangi Covid-19. Teruslah istiqamah dengan usaha kita," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

PKPD Selangor Mansion rekod 22 kes positif baharu

PUTRAJAYA - Selangor Mansion di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur mencatatkan pertambahan 22 kes positif baharu koronavirus (Covid-19) semalam bagi kawasan terlibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes positif baharu itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di PKPD itu adalah sebanyak 107 kes.

Menurutnya, selain lokaliti itu, sebanyak 10 lagi kes positif baharu Covid-19 dikenal pasti di PKPD Kampung Sungai Lui, Hulu Langat.

"Rekod positif terbaharu Covid-19 itu menjadikan jumlah keseluruhan kes

positif di lokaliti itu adalah sebanyak 141 kes," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, tiada pertambahan kes positif baharu Covid-19 direkodkan di kawasan PKPD lain.

"Menara Plaza City One kekal 51 kes dengan satu kematian, Malayan Mansion kekal empat kes positif, lain-lain Masjid India tiga kes,

Bandar Baru Ibrahim Majid 183 kes dengan empat kematian, luar Bandar Baru Ibrahim Majid 39 kes dan Kampung Sungai Lui 315 kes.



DR NOOR HISHAM

"Di Pusat Bandar Utara dan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang juga tiada kes baharu dan angka kekal dengan 28 kes positif dan setakat ini, saringan ujian Covid-19 dilaksanakan ke atas 7,749 kes," katanya.

Mengulas mengenai kluster himpunan Sri Petaling dan pelajar serta guru tahfiz, Dr Noor Hisham berkata, seramai 2,013 telah disahkan positif Covid-19 setakat ini iaitu pertambahan 35 kes positif baharu berbanding kelmarin.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • JUMAAT 24 APRIL 2020

Laporan HIDAYAH HAIROM dan TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

MEMERANGI WABAK COVID-19



Korban ketiga libatkan petugas KKM

Setakat ini seramai 325 anggota KKM dikesan positif Covid-19

PUTRAJAYA

Seorang lagi anggota perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjadi korban terbaharu Covid-19 di negara ini menjadikan kes kematian ketiga melibatkan petugas KKM.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdul-

lah berkata, kematian pesakit itu salah satu daripada dua kematian yang telah dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan semalam.

Katanya, dengan dua kes berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 95 kes. "Sehingga kini terdapat seramai 325 anggota KKM yang dikesan positif Covid-19," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, daripada jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 dalam kalangan anggota KKM, sebanyak 185 kes telah

pulih sepenuhnya dan didiscaj, 137 kes sedang dirawat di hospital dan tiga kes kematian.

"Kes-kes ini terdiri daripada 77 pegawai perubatan; 66 jururawat; 34 pegawai perubatan siswazah; 23 pakar perubatan; 21 penolong pegawai perubatan dan 104 lain-lain skim perkhidmatan.

"Berdasarkan siasatan, 70 peratus kes berpunca daripada aktiviti persendirian misalnya menghadiri majlis keramaian, ke luar negara dan sebagainya, bukan disebabkan oleh pengendalian kes yang disahkan positif Covid-19 di fasiliti Kesihatan KKM," katanya.

Hati-hati urus mayat Covid-19

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah menasihatkan petugas pengendali mayat pesakit koronavirus (Covid-19) supaya berhati-hati kerana bimbang dijangkiti.

Ia berikutan penemuan virus pada permukaan kulit mayat pesakit wabak berkenaan.

"Kalau kita tidak teliti dalam pengurusan mayat, ia boleh menjangkiti orang yang menguruskannya," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan, hasil bedah siasat terhadap mayat pesakit Covid-19 mendapati virus itu turut terdapat di dalam cecair badan termasuk organ dalaman.

Menyentuh mengenai pesakit yang berada dalam rawatan di hospital, beliau berkata, lebih 80 peratus daripadanya terdiri daripada tahap satu iaitu tidak bergelaja dan tahap dua yang mempunyai gejala ringan.

"Walaupun ada negara lain yang tidak meletakkan

mereka (tahap satu dan dua) di hospital tetapi KKM merawat mereka di fasiliti kesihatan sehingga benar-benar sembuh dan pulih," katanya.

Sementara itu, Malaysia terus kekal mencatatkan angka dua digit bagi kes positif Covid-19 dalam tempoh seminggu berturut-turut.

Dr Noor Hisham berkata, setakat jam 12 tengah hari, terdapat 71 kes baharu yang telah dilaporkan.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 5,603 kes.


"Jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan Covid-19 adalah 1,966 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya.

Menurutnya, sebanyak 90 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak 3,542 kes.

"Seramai 42 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)," katanya.

Kes ke	Kematian ke	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar belakang
3871	94	Perempuan	32	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalson, Johor	• Mempunyai penyakit darah tinggi • Merupakan anggota KKM & kontak rapat kepada kes ke-3662
4129	95	Lelaki	67	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang	• Mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit buah pinggang • Kontak rapat kepada kes ke-1575 (Kluster PUI Ball)

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



NewStraitsTimes . FRIDAY, APRIL 24, 2020

4 | NEWS / Nation

RIGHT STRATEGY

'BORDER CONTROL KEEPS VIRUS AT BAY'

Tighter measures needed to contain imported cases, says Health D-G

KUALA LUMPUR

MALAYSIA must strengthen its border control measures for the containment of imported Covid-19 cases in the country, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said.

Stressing the need for the authorities to continue keeping a tight control on the borders, even after lifting the Movement Control Order (MCO), he said this was necessary to keep a lid on the number of imported Covid-19 cases in the country.

"This is the most important thing that we need to do. If you look into imported cases, the success of controlling Covid-19 cases basically depends on border control.

"We need to tighten our border control, especially if we look into cases in other countries."

He said if border control was loosened, those who entered the



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (left) speaking at a Covid-19 press briefing in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

country might spread the virus and start a new cluster here.

He said the ministry's officials had a meeting with Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on the principles of removing the MCO.

Speaking at his daily Covid-19 press briefing yesterday, Dr Noor Hisham said 325 medical workers under the Health Ministry had tested positive for Covid-19.

He said they made up 5.8 per

cent of the total number of Covid-19 cases in Malaysia.

Of the total, he said, 185 had recovered, while 137 were being treated in hospitals.

Three fatalities involving medical workers were also recorded, including the one reported yesterday.

The 325 medical workers, he said, comprised 77 medical officers, 66 nurses, 34 graduate medical officers, 23 specialists, 21 as-

sistant medical officers and 104 personnel offering other services.

Dr Noor Hisham said based on the ministry's investigations, the cause of infection for all the medical workers was not due to the management or treatment of coronavirus patients at the ministry's facilities.

"Seventy per cent of the cases were caused by activities such as attending events and going abroad."

The ministry, he said, urged all healthcare workers and frontliners to adopt precautions.

He said up to noon yesterday, 71 new cases had been recorded, bringing the total number of Covid-19 cases in Malaysia to 5,603.

He said there were 1,966 active cases.

He said 42 Covid-19 patients were being treated in Intensive Care Units, with 21 requiring breathing assistance.

He said 90 patients were discharged yesterday, bringing the total number of patients who recovered from the coronavirus to 3,542 (63.1 per cent).

Dr Noor Hisham said up to noon yesterday, two Covid-19 fatalities had been reported to the ministry's National Crisis Preparedness and Response Centre

(CPRC), raising the death toll from the deadly virus in the country to 95 (1.70 per cent).

One of the victims was a nurse. The 94th victim (Case 3,871), he said, was a 32-year-old Malaysian with a history of hypertension.

She was a medical worker with the ministry and had close contact with Case 3,662 from the cluster at the specialist hospital in Muar, Johor.

The 95th victim (Case 4129) was a 67-year-old Malaysian who had diabetes, hypertension, as well as heart and kidney problems.

He had close contact with Case 1,575 from the Bali PUI cluster.

He was treated at Tengku Ampuan Afzan Hospital in Kuantan, Pahang, on April 8 and pronounced dead on April 22 at 11.48pm.

Dr Noor Hisham said the government had identified several countries to collaborate with in efforts to develop a vaccine for Covid-19.

"We have two companies in China interested in conducting clinical trials of their vaccines with Malaysia.

"However, it must follow the stringent procedures in conducting clinical trials.

"For now, we are still in discussions with them."

Nurse dies after 17 days in ICU

MUAR: "Please look after mum and dad."

These were the last words of Nadila Rahmat, 32, who died from Covid-19 in the wee hours yesterday.

Nadila was a nurse attached to Sultanah Fatimah Specialist Hospital's orthopaedic ward here.

She died at 12.36am after being treated at Enche Besar Hajjah Khalsom Hospital's Intensive Care Unit (ICU) for 17 days.

Her sister, Nabihah, 26, said Nadila's last words were relayed through the phone a day after she was admitted to the ICU on April 7.

She said her sister had called their mother, Rodiah Mohd Don, 57, to update her about her health because she had to be admitted to the ICU.

When the call was made, Nabihah said the whole family was in the car heading home after being screened for Covid-19 and that her mum could barely hear her sister's voice.

"My mother gave the phone back to me and my sister told me

to look after our parents. My sister said she had to be put in a medically-induced coma. My heart sank and I was reluctant to inform my parents because I did not want them to worry.

"That was the last conversation I had with her," she said before breaking down in tears.

Nadila was buried at the Serom 1 Muslim Cemetery in Sungai Mati here at noon yesterday.

Nabihah described her late sister, who was a nurse for 10 years, as a cheerful person and rarely shared her problems with the family as she did not want them to worry about her.

"My sister had been feeling sick since early this month. She had been coughing and lost her appetite, but we did not think much of it.

"Nadila told us on April 5 that she had to be quarantined at the Pagoh quarantine centre as she was suspected to be infected by Covid-19. That was the last time we met her.

"She asked our mother for a

suitcase but prevented her from getting too close when our mother wanted to help her pack her things.

"My mom felt something was not right and kept her fear to herself," she said, adding that her father, Rahmat Johan, 65, and her mother constantly performed *solat hajat* and recited Yasin for her sister's recovery.

She said the family's worst fears came true when they received the dreaded call from the hospital at 10.30pm on Wednesday.

The hospital told them that Nadila's condition had worsened and advised the family to prepare for any possibility.

A second call was received from the hospital, informing the family that Nadila was in critical condition. The final call then came in to tell them that Nadila had died.

"We have accepted her death and will miss her greatly, especially during Ramadan as we always prepared meals together to break fast."



Nadila Rahmat (left) and her mother, Rodiah Mohd Don, at their home in Muar. PIC COURTESY OF NADILA RAHMAT'S FAMILY

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Another healthcare worker dies

Woman has history of high blood pressure, says health director-general

By JOSEPH KAOS Jr
and TARRENCE TAN
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Covid-19 has taken the life of another government healthcare worker.

The 32-year-old was among the two latest Covid-19 deaths in the country.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the woman, who is the country's 94th Covid-19 fatality, had a history of high blood pressure.

The woman was a close contact of patient number 3,662, who is among those in the Muar specialist hospital cluster in Johor.

She was admitted to Hospital Enchè Besar Hajjah Khalsom, Johor, on April 6 and was pronounced dead yesterday at 12.36am.

"This is the third death among the ministry's healthcare workers," he said at his daily Covid-19 press briefing here yesterday.

He also announced another death, a 67-year-old Malaysian man who is the country's 95th fatality.

Dr Noor Hisham said that as of yesterday, there were 325 Health Ministry workers who tested positive for Covid-19.

He added that 185 had fully

**Battling
Covid-19**

recovered and had been discharged, 137 still receiving treatment while three had died.

These cases comprised 77 medical officers, 66 nurses, 34 graduate medical assistants, 23 medical experts, 21 medical officer assistants and 104 under other services.

According to Dr Noor Hisham, investigations concluded that all of the ministry's workers did not catch Covid-19 while handling positive cases at its facilities.

"It is found that 70% of cases were due to personal activities such as attending receptions, going overseas," he said.

Dr Noor Hisham urged every frontliner to take preventive steps.

He said these include making sure their hands were clean, avoiding crowds and confined spaces, practising social distancing and using personal protective equipment when handling patients.

"The Health Ministry will contin-



Robo-delivery: A robot delivering food in the quarantine facility at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang. So far, 3,542 patients have recovered from Covid-19 in Malaysia. — Bernama

ue to monitor developments of Covid-19 and Malaysians will be informed from time to time," he added.

Dr Noor Hisham also announced that there were 71 more Covid-19

cases. This takes the country's total number of confirmed cases to 5,603.

In the same 24-hour span, 103 more patients had also been discharged, which means there are

only 1,966 active cases currently treated in health facilities.

So far, 3,542 patients have recovered from Covid-19 in Malaysia.

Malaysia's Covid-19 recovery rate is now at 63.2% out of the total number of positive cases.

There are 42 patients being treated at intensive care units (ICUs), with 21 of them requiring ventilators.

He also hinted that travel bans would probably remain in place even after the MCO is lifted.

Dr Noor Hisham Abdullah said border control measures introduced by the government had efficiently reduced the number of imported Covid-19 cases and should continue.

"If we look at our imported cases, we have successfully managed it with our border control.

"We need to tighten border control especially now, with the increasing number of cases in over 180 countries.

"Lifting the MCO does not mean we will lift border control. In fact, we need to strengthen it further," he said.

Malaysia has banned non-Malaysians from entering the country, only allowing citizens to return home.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Covid-19: 91 new cases, death toll now 95

PETALING JAYA: There were 71 new cases of Covid-19, bringing the total number of infections to 5,603 as of noon yesterday.

"There are now 42 cases in the intensive care unit (ICU), with 21 of them requiring ventilators," Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said in his daily evening address yesterday.

Ninety people have successfully received treatment and were discharged, bringing the total number of recovered cases to 3,542.

There were two more fatalities yesterday, bringing the death toll to 95.

As of yesterday, 335 Health Ministry personnel had been reported to be Covid-19 positive.

"Investigations found that most of these cases were not due to handling others who were Covid-19 positive at Health Ministry Facilities," Noor Hisham said.

"Seventy per cent of these cases were due to personal activities such as attending celebrations and going overseas."